



جابتن حال إحوال اِكْلام إِسلام قولواو قِينْخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**PIMPINLAH MEREKA
KEMBALI KE JALAN
YANG LURUS**



Tarikh Bacaan:
17 APRIL 2026M / 28 SYAWAL 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Pimpinlah Mereka Kembali Ke Jalan Yang Lurus

17 April 2026M/ 28 Syawal 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Khatib menyeru sekalian hadirin, agar meningkatkan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan sebenar-benar takwa. Hayatilah setiap kandungan khutbah yang disampaikan ini dengan penuh perhatian, kerana ia merupakan peringatan penting untuk kita semua dalam membimbing diri dan masyarakat menuju kebaikan.

Justeru fokuskanlah perhatian kepada khutbah yang bertajuk “Pimpinlah Mereka Kembali Ke Jalan Yang Lurus.”

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Ketahuiilah bahawa isu berkaitan perkembangan golongan songsang dalam kalangan masyarakat Islam semakin membimbangkan. Lebih merunsingkan, sebahagian mereka terdiri daripada pemuda



pemudi berpelajaran tinggi dan berkerjaya profesional, yang diharap bakal menggantikan kita selepas ini demi agama dan bangsa. Oleh itu, kita tidak boleh berdiam diri melihat perilaku yang menyimpang ini terus berkembang. Sebagai saudara seislam, kita bertanggungjawab membimbing mereka kembali ke jalan fitrah. Allah berfirman dalam surah ar-Rum ayat 3:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَتَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ اللَّهِ

ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya: *“(Setelah jelas kesesatan syirik itu) maka hadapkanlah wajahmu (kamu dan para pengikutmu wahai Muhammad) ke arah agama yang jauh daripada kesesatan, iaitu agama yang mana Allah mencipta manusia (dengan keadaan bersedia secara tabii) untuk menerimanya. Tidak ada sebarang perubahan pada ciptaan Allah. Itulah agama yang lurus tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.”*

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam proses menyampaikan dakwah kepada golongan ini, kita mestilah kembali kepada ajaran Rasulullah ﷺ yang menekankan aspek hikmah. Suatu ketika seorang pemuda datang kepada Rasulullah meminta izin untuk berzina. Baginda dengan penuh kelembutan dan hikmah bertanya kepada pemuda tersebut, “Adakah kamu suka jika perkara ini dilakukan terhadap ibumu?” Pemuda itu menjawab, “Tidak, demi Allah!” Lalu Baginda menjelaskan bahawa orang lain juga tidak suka perkara itu dilakukan terhadap ibu mereka. Baginda

mengulangi pertanyaan yang sama untuk anak perempuan, saudara perempuan dan ibu saudara, maka pemuda tersebut memberikan jawapan yang sama. Akhirnya, Baginda meletakkan tangannya ke atas dada pemuda itu sambil berdoa:

“Ya Allah, ampunilah dosanya, sucikan hatinya dan peliharalah kemaluannya.” Selepas itu, pemuda tersebut tidak lagi berkeinginan untuk melakukan zina.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Kisah ini menunjukkan betapa pentingnya kelembutan dalam mendidik dan membimbing seseorang. Rasulullah ﷺ selaku pemerintah boleh sahaja terus menghukum lelaki tersebut di atas kehendaknya untuk terus melakukan maksiat, namun Baginda memilih untuk menunjukkan contoh dakwah terbaik kepada umatnya. Rasulullah ﷺ bersabda mengenai kepentingan berlemah lembut sesama makhluk:

إِنَّ الرَّفْقَ لَا يَكُونُ فِي شَيْءٍ إِلَّا زَانَهُ وَلَا يُنْزَعُ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا شَانَهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya kelembutan tidaklah ada pada sesuatu kecuali ia akan memperindahkannya, dan tidaklah dicabut kelembutan dari sesuatu kecuali akan memburukkannya.” (Hadis Riwayat Muslim)

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Andai ada di antara kita yang telah terjerumus ke dalam perilaku menyimpang ini, janganlah berputus asa daripada rahmat

Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Dia adalah Tuhan Yang Maha Pengampun, selagi mana kita berazam dengan tulus ikhlas dan berusaha bersungguh-sungguh meninggalkan kekejian ini, nescaya Allah akan mengampuni dosa-dosa kita. Cara-cara untuk bertaubat, antaranya:

Pertama: Akui kesalahan bahawa apa yang dilakukan ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam.

Kedua: Bertekad untuk meninggalkan perilaku menyimpang dan tidak mengulanginya lagi.

Ketiga: Memohon ampun kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** atas segala dosa yang telah dilakukan.

Keempat: Mencari ilmu agama dengan mengikuti pengajian agama serta memperbanyakkan membaca al-Quran dan hadis.

Kelima: Bergaul dengan orang soleh kerana ia dapat memberikan pengaruh positif dan membantu kita untuk kembali ke jalan yang benar.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Sebagai rumusan khutbah untuk panduan kita bersama:

Pertama: Umat Islam bertanggungjawab membimbing golongan songsang kembali kepada fitrah, bukan sekadar hanya menghukum atau mengeji mereka.

Kedua: Pendekatan dakwah yang penuh hikmah, kasih sayang dan kesabaran adalah kunci untuk menarik mereka kembali ke jalan yang lurus.

Ketiga: Bertaubat kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* di atas dosa yang dilakukan, serta memperbaiki diri dengan mendalami ilmu agama dan bergaul dengan orang soleh.

Firman Allah dalam surah an-Nahl ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ

هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya: “Serulah ke jalan Tuhan kamu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang kamu serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhan kamu, Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang yang mendapat hidayah petunjuk.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبِّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 1/2009 memutuskan bahawa perbuatan wanita menyerupai lelaki, termasuk dari segi penampilan, pakaian, gerak laku dan kecenderungan yang menyalahi fitrah kewanitaan, adalah haram di sisi Islam; demikian juga lelaki yang menyerupai wanita dalam penampilan dan perlakuan.

Keputusan ini bersandarkan hadis sahih riwayat Ibn Abbas dalam Sahih al-Bukhari serta riwayat Abu Hurairah dalam Sunan Abu Dawud yang menyebut bahawa Rasulullah ﷺ melaknat golongan lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki.

Sehubungan itu, ibu bapa dan masyarakat Islam hendaklah mengambil tanggungjawab serius dalam mendidik serta membimbing anak-anak agar menjaga pakaian, akhlak dan penampilan menurut fitrah yang ditetapkan syarak demi memelihara keharmonian dan kemuliaan umat.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْرِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةً قُولاو فِينِغَ آمِنًا مُطْمَئِنَّا
سَخَاءَ رِخَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُزُعْمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،



Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri
Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-
ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG